

10/08/1998

Tempoh pengecualian cukai kekal 72 jam

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Kerajaan tidak akan memendekkan lagi tempoh mendapat keistimewaan pengecualian cukai bagi pengunjung ke pulau ini yang sekarang dimestikan bermalam sekurang-kurangnya 72 jam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan memerlukan pendapatan dan jika tempoh itu dikurangkan, sudah pasti ada pihak mahunya dikurangkan lagi.

"Pakai tak payah datanglah... pakai pos sudah," katanya ketika diminta mengulas cadangan beberapa pihak supaya tempoh 72 jam itu dikurangkan kepada 48 jam atau 24 jam.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (Lisram) di sini, beliau berkata:

"Kerajaan nak duit juga. Kita dah kurang tetapi tiap-tiap kali kurang nak kurang juga. Lama-lama tak payah datang pun dapat juga (barangan bebas cukai).

"Sekiranya diberikan 48 jam, nak 24 jam, bagi 24 jam nak 12 jam, lepas itu nak 6 jam dan selepas 6 jam tak payah datang pun boleh beli... kedai di daratan (tanah besar) tutup semua," katanya.

Cadangan supaya tempoh 72 jam disingkatkan kepada 48 jam pernah dibuat oleh Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan Bumiputera Langkawi (Al-Bumita) dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke pulau peranginan ini.

Mengulas sikap sesetengah ejen pelancongan yang membawa pelancong ke kawasan tertentu atas dasar komisen, Dr Mahathir berkata, beliau kesal dengan sikap mereka yang suka mengambil untung secara berlebihan.

"Biasanya ejen pelancongan minta komisen, kita tak berapa marah sangat. Tetapi yang minta yang bukan-bukan sampai mereka dapat lebih daripada pengusaha, ini profiteering.

"Sepatutnya mereka dapat sikit saja tak apalah, seperti satu peratus atau 10 peratus. Tetapi sekiranya ada ejen pelancongan mendapat RM2 manakala pengusaha mendapat RM1 macam mana," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus mengambil tindakan berhubung perkara ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar pulau ini. Antaranya Laman Padi, sebuah pusat pelancongan pertanian di Pantai Chenang yang meliputi muzium padi, pusat maklumat pelancong, restoran dan tiga unit pavillion.

Beliau diiringi Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid; Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib dan Anggota Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib.

(END)